

24 JUL 1999

AFRICA-PERNIAGAAN

MIDA GESA AHLI PERNIAGAAN MELABUR DI AFRIKA

JOHOR BAHRU, 24 Julai (Bernama) -- Syarikat-syarikat dan ahli perniagaan Malaysia harus mengambil peluang dan meneroka ke dalam tiga sektor berpotensi di Afrika, kata timbalan ketua pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Datuk J. Jegathesan.

Beliau berkata ketiga-tiga sektor itu adalah tekstil/pakaian, perladangan jagung dan kuasa elektrik dan kabel wayar.

Jika rakyat Malaysia tidak merebut peluang itu dengan segera, ahli perniagaan dari negara Asia lain seperti Hong Kong, Taiwan, Vietnam dan India akan mengorak langkah terlebih dahulu, katanya di taklimat ringkas mengenai Forum Perniagaan Afrika-Asia, di sini, semalam.

Beliau juga berkata ahli perniagaan Malaysia dan Asia mestilah melihat Afrika sebagai alternatif perniagaan mereka di alaf yang akan datang.

Forum lima hari itu dijadualkan diadakan di Palace of Golden Houses di Kuala Lumpur bermula 25 Oktober ini. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap tama di forum itu.

Menurut Jegathesan, ahli perniagaan Malaysia mempunyai masa depan cerah dalam ketiga-tiga sektor tersebut yang boleh dimajukan dan dikembangkan untuk merangsangkan ekonomi negara.

Beliau berkata kebanyakan ahli perniagaan masih takut untuk melabur di negara-negara Afrika berikutan kepercayaan bahawa Afrika bukan sebuah tempat yang selamat untuk menjalankan perniagaan.

"80 peratus daripada benua Afrika bebas daripada perang saudara serta pemberontakan dan kawasan yang bermasalah hanya membabitkan sebahagian kecil daripada benua itu," jelasnya.

Jegathesan berkata sektor lain yang menawarkan potensi baik dan ruang pembangunan di Afrika adalah perniagaan penerbangan.

Beliau menggesa syarikat perniagaan Asia melihat Afrika sebagai satu destinasi menguntungkan di mana mereka boleh menyediakan penerbangan terus daripada mana-mana bahagian di Asia.

"Dengan mengadakan penerbangan terus dari Asia, ia bukan sahaja memberi faedah kepada golongan ahli perniagaan di rantau ini tetapi juga kepada pelancong. Tambahan lagi, penumpang tidak lagi perlu untuk transit menerusi Eropah untuk melawat Afrika," tambahnya.

Jegathesan berkata rakyat Afrika, bagaimanapun, masih mempunyai sikap "Euro-centric" berdasarkan kepada latar belakang sejarah mereka.

Kebanyakan daripada Afrika suatu waktu dahulu diperintah oleh negara Eropah seperti Jerman, Portugal, Sepanyol, Perancis, England dan Belgium.

"Justeru, sikap (Euro-centric) itu telah menjadi satu masalah besar dan menghalang pelabur daripada banyak negara (selain daripada negara-negara Eropah) daripada membuat pelaburan di rantau ini," katanya.

Beliau menambah purata pertumbuhan KDNK bagi rantau itu adalah 3.3 peratus pada 1998 dan negara-negara Afrika yang mencatatkan prestasi memberangsangkan itu termasuklah Mesir, Cameron, Algeria, Libya, Mauritius, Botswana, Swaziland, Tunisia dan Seychelles.

Pelaburan Malaysia di Afrika pada 1996 berjumlah sehingga RM1.248 bilion tetapi jumlah itu kemudiannya merosot kepada RM414 juta pada 1997 dan RM302 juta pada 1998, kebanyakannya berikutan krisis ekonomi, katanya.

Kira-kira 300 peserta daripada lebih 30 negara Afrika dan Asia dijangka menghadiri forum itu pada Oktober dan ia termasuklah pelabur individu, pakar import dan eksport dan ejen perdagangan dan promosi.

Ia dianjurkan oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)

secara kerjasama dengan kerajaan Malaysia, Agensi Jaminan Pelaburan
Pelbagai Hala (MIGA) dan Malaysia South-south Corporation Berhad
(MASSCORP). Ia akan dibiayai oleh Kerajaan Jepun.

-- BERNAMA

RAM ZK MA